

TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMPEN “PB DEPOSIT TETAP / DEPOSIT BERTEMPOH-i”

Kempen “PB Deposit Tetap / Deposit Bertempoh-i” (“Kempen”) ini dilancarkan bersama-sama oleh Public Bank Berhad (“PBB”) dan Public Islamic Bank Berhad (“PIBB”). Terma dan syarat yang berikut mengawal Kempen ini yang ditawarkan kepada Peserta yang Layak, seperti yang diperincikan di bawah:-

1. Tempoh Kempen

- 1.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 April 2019 hingga 30 Jun 2019**, [termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“Tempoh Kempen”)].
- 1.2 Kempen ini boleh didapati di semua cawangan PBB dan PIBB di Malaysia.

2. Kelayakan

- 2.1 Peserta-peserta yang berikut layak untuk mengambil bahagian (“Peserta yang Layak”) dalam Kempen ini:
 - a) semua individu pelanggan PBB dan PIBB yang baharu dan sedia ada;
 - b) individu berumur 18 tahun dan ke atas pada waktu penyertaan (pemegang akaun persendirian atau bersama termasuk akaun bagi pihak PBB dan / atau PIBB) termasuk bukan pemastautin, kakitangan tetap atau kontrak PBB, PIBB dan Public Investment Berhad (“PIVB”).
- 2.2 Untuk akaun bagi pihak, Peserta yang Layak adalah nama ibu atau bapa/penjaga yang sah dalam akaun berkenaan dalam rekod PBB / PIBB.
- 2.3 Bukan individu tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini iaitu keempunyaan tunggal, perkongsian, entiti korporat, persatuan, kelab dan pertubuhan.
- 2.4 Dana yang digunakan untuk mengambil bahagian dalam Kempen ini mestilah dana baharu. “Dana baharu” merujuk pada dana yang bukannya daripada akaun deposit sedia ada milik Peserta yang Layak yang dikekalkan dengan PBB/PIBB tetapi merujuk pada dana baharu dalam bentuk yang berikut:
 - a) Tunai yang diterima daripada sumber luar;
 - b) Prosid daripada pendebitan suatu akaun (dengan syarat sumber dana tersebut adalah dana baharu yang didepositkan dalam akaun berkenaan);
 - c) Prosid daripada cek sendiri daripada pihak ke-3;
 - d) Prosid daripada cek tempatan; dan/atau
 - e) Prosid daripada Pindahan Telegraf (TT) / GIRO Antara Bank (IBG) / RENTAS daripada bank-bank lain.

- 2.5 Dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar selepas dana baharu tersebut dipindahkan ke PBB/PIBB dalam mana deposit tersebut disimpan, Peserta yang Layak mesti mengunungi PBB/PIBB untuk memaklumkan / membenarkan PBB/PIBB untuk melaksanakan peletakan tersebut.
- 2.6 Kempen ini **tidak** sah dengan promosi produk lain yang ditawarkan serentak oleh PBB dan/atau PIBB.

3. Butir-butir Kempen:-

- 3.1 Produk yang Layak* di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Bil.	Produk yang Layak*		Tempoh
1	Deposit Tetap PLUS (FD PLUS)	Konvensional	3 bulan dan 6 bulan
2	Deposit Bertempoh-i (DB-i)	Islam	

Nota* - Layak untuk perlindungan daripada Perbadanan Insurans Deposit Malaysia.

- 3.2 Peletakan deposit dalam Kempen ini tertakluk pada had minimum dan maksimum seperti yang berikut:

Peletakan Deposit	
Minimum	Maksimum
RM10,000 setiap resit	RM10 Juta (setiap pelanggan bagi setiap Produk yang Layak)

- 3.3 Peletakan baharu itu mesti dibuat semasa Tempoh Kempen.
- 3.4 Peserta yang Layak dibenarkan untuk membuat peletakan dalam FD PLUS / DB-i dalam resit berganda tertakluk pada amaun minimum sebanyak RM10,000 bagi setiap resit.
- 3.5 Kadar faedah / keuntungan promosi yang ditawarkan di bawah Kempen ini adalah seperti yang berikut:

Tempoh	Kadar Faedah / Keuntungan Promosi (% setahun)
3 Bulan	3.80
6 Bulan	4.00

- 3.6 Peletakan FD PLUS / DB-i itu hanyalah untuk 3 bulan atau 6 bulan sahaja. Kadar faedah / keuntungan promosi hanya diterima pakai untuk satu (1) pusingan sahaja. Peletakan FD PLUS / DB-i itu akan diperbaharui secara automatik bagi tempoh 3 bulan atau 6 bulan pada kadar kaunter semasa PBB / PIBB dengan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan ke dalam akaun semasa atau simpanan Konvensional / Islam (CASA/CASA-i) yang ditentukan milik Peserta yang Layak apabila matang.
- 3.7 Faedah atau keuntungan (mana yang berkenaan) dikira berdasarkan bilangan hari sebenar.
- 3.8 Kadar faedah / keuntungan promosi ini ditetapkan berdasarkan penyertaan / peletakan.
- 3.9 Apabila matang, faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana yang berkenaan) akan ditambah kepada amaun pokok atau dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i yang ditentukan milik Peserta yang Layak menurut peraturan pengendalian biasa PBB / PIBB bagi pengkreditan faedah FD PLUS / keuntungan DB-i (mana yang berkenaan) dalam CASA/CASA-i.
- 3.10 **Peletakan deposit di bawah Kempen ini yang dikeluarkan sebelum matang, sebahagiannya atau sepenuhnya, semasa tempoh masa berkenaan, tidak layak untuk mendapat apa juga faedah / keuntungan (mana yang berkenaan).**

Syarat di atas akan terus diterima pakai apabila peletakan FD PLUS / DB-i itu diperbaharui.

- 3.11 Pengeluaran sebahagian peletakan dalam FD PLUS / DB-i **tidak** dibenarkan.
- 3.12 Sekiranya berlaku perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar faedah/keuntungan promosi itu akan disemak.
- 3.13 Semua arahan bagi pengeluaran peletakan FD PLUS / DB-i mesti dibuat dengan memberi arahan bertulis yang jelas dan tepat dan ditandatangani dengan sewajarnya oleh penandatanganan yang dibenarkan bagi akaun tersebut berkaitan dengan pengeluaran dan pelupusan deposit berkenaan. PBB dan PIBB berhak untuk menolak / mengelak daripada melaksanakan arahan tersebut sekiranya tandatangan pada dokumen seumpama itu, pada pandangan PBB / PIBB berbeza daripada tandatangan contoh yang diberi. Semua pindaan dalam arahan tersebut hendaklah disahkan dengan tandatangan seperti mana tandatangan contoh.
- 3.14 Apa-apa peletakan yang dibuat dalam Produk yang Layak dalam Kempen ini tidak dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf / kemudahan tunai-i/kemudahan atau pembiayaan lain.

4. Hak PBB dan/atau PIBB

4.1 Tanpa prejudis terhadap peruntukan dalam Perkara 3.12 di atas dan melainkan bagi kadar faedah / keuntungan promosi yang dinyatakan dalam Perkara 3.5 di atas yang ditetapkan semasa penyertaan/peletakan tersebut, PBB dan PIBB boleh meminda, memotong dan/atau membuat penambahan pada mana-mana Terma dan Syarat dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar melalui laman web PBB / PIBB atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang diluluskan dan pindaan, potongan atau penambahan sedemikian hendaklah berkuat kuasa pada tarikh sebagaimana yang akan ditetapkan oleh PBB dan/atau PIBB. Dengan terus mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak dianggap bersetuju untuk terikat dengan pindaan, potongan atau penambahan Terma dan Syarat seumpama itu seperti yang dinyatakan di atas.

5. Lain-lain

5.1 Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta yang Layak:-

- a) bersetuju bahawa terma dan syarat ini akan diguna pakai bersama-sama dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak dengan PBB dan/atau PIBB, yang sesalinannya telah diberikan kepada Peserta yang Layak. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara terma dan syarat ini dengan Peraturan-peraturan yang mengawal pembukaan dan pengendalian Produk yang Layak tersebut, terma dan syarat ini akan diberi keutamaan dan didahulukan;
- b) bersetuju dan membenarkan maklumat berkenaan dengan Produk yang Layak itu untuk diproses, dikumpul, digunakan dan disimpan oleh PBB dan/atau PIBB bagi tujuan Kempen ini; dan
- c) bersetuju bahawa keputusan PBB dan/atau PIBB adalah muktamad, mengikat dan konklusif.

5.2 Untuk membaca Notis Kerahsiaan PBB/PIBB mengenai bagaimana PBB/PIBB menggunakan maklumat anda atau sekiranya anda ingin mendapat berita mengenai produk dan perkhidmatan PBB/PIBB termasuk tawaran promosi dan bahan pemasaran PBB/PIBB dan rakan sekutu PBB/PIBB, sila layari www.pbebank.com.my atau www.publicislamicbank.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan PBB/PIBB.

Ruang Selebihnya pada Muka surat ini Sengaja Dibiarkan Kosong
